

# GLC ambil alih pembinaan Sekolah Sukan Perlis

**Kangar:** Kerajaan Persekutuan melantik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menyegerakan pembinaan Sekolah Sukan Perlis (SSP) yang diumumkan pembinaannya 11 tahun lalu.

Projek SSP merangkumi pembangunan kompleks sekolah khusus dalam bidang sukan yang sepatutnya siap pada 2014 selepas dimulakan kerja pecah tanah dilakukan setahun sebelumnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara ini dizahirkan oleh Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail serta Raja Muda Per-

lis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang ingin pembinaan SSP disegerakan.

“Sudah berbelas tahun, sukan tiada, sekolah pun tiada. Jadi, akhirnya saya putuskan batalkan langkah sedia ada dan melantik syarikat GLC seperti Khazanah Nasional (Khazanah) atau Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang punyai kewibawaan.

“Kita beri arahan segerakan tahun ini juga untuk memulakan projek, memulakan pelaksanaan projek ini dengan kadar segera bersama peruntukan apa yang perlu untuk menyiapkan sekolah sukan di Perlis,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap ketika menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 di Dataran Lok 9, Kuala Perlis, di sini, semalam.

Anwar berkata, kerjasama erat antara kerajaan negeri dan Persekutuan membolehkan pelbagai projek pembangunan dan kemudahan dilaksanakan di Perlis ketika ini.

“Jika dilihat berdasarkan angka dan fakta; pemberian Kerajaan Persekutuan yang disalurkan langsung kepada Perlis meningkat sebanyak 25 peratus di bawah Kerajaan MADANI di mana pada 2022, ia merekodkan

RM168.4 juta kemudian meningkat pada 2023 sebanyak RM182.3 juta dan pada tahun lalu pula meningkat kepada RM210.6 juta.

“Selain itu, peruntukan pembangunan Perlis turut dinaikkan 65 peratus daripada RM391.91 juta pada 2022 meningkat kepada RM596.82 juta dan RM645.58 juta pada tahun lalu,” katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menjelaskan bahawa dalam berdepan cabaran kos sara hidup, kerajaan sudah menambah baik program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dengan peruntukan tambahan RM3 bilion.

“Jumlah ini membabitkan bilangan penerima naik daripada 700,000 kepada 5.4 juta bermula 1 April lalu dengan setiap isi rumah menerima sehingga RM100 sebulan yang dikreditkan melalui MyKad dibelanja di kedai runcit.

“Selain itu, penerima manfaat SARA di Perlis juga meningkat daripada 25,682 tahun lalu kepada 62,292 setakat April lalu, di mana ia meningkat 2.5 kali ganda penerima,” katanya.

Terdahulu, Anwar sempat meluahkan masa melawat gerai makanan yang disediakan dalam majlis itu.